

PERDANA MENTERI MALAYSIA

Perutusan

Dalam persekitaran ekonomi yang semakin kompetitif, Malaysia perlu meneruskan usaha menjana sumber pertumbuhan baru supaya asas ekonomi negara menjadi lebih meluas dan pelbagai. Untuk mencapai hasrat ini, usaha akan ditumpukan pada penjanaan sumber pertumbuhan dalaman (endogeneous) melalui pengukuhan daya upaya dan daya saing industri domestik. Satu segmen penting ialah perusahaan kecil dan sederhana (PKS), yang merupakan sumber utama pertumbuhan dalaman dan juga dorongan kepada pembangunan ekonomi yang menyeluruh.

Kini, terdapat lebih daripada setengah juta PKS di dalam negara, yang merupakan lebih daripada 99% daripada jumlah pertubuhan perniagaan. Memandangkan jumlahnya yang ketara dan peranan mereka yang penting ini, Kerajaan telah memberi keutamaan terhadap pembangunan PKS. Skop untuk mempertingkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi adalah luas. Oleh itu, PKS perlu dikukuhkan lagi supaya ia dapat menjadi pemacu pertumbuhan yang penting. Seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan akan terus memberi sokongan terhadap pembangunan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan dalam semua sektor demi meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi.

Pendekatan yang holistik dan komprehensif sedang diambil untuk menyokong pembangunan PKS yang berprestasi cemerlang dan berdaya tahan. Ini merangkumi tiga teras strategik yang luas iaitu pengukuhan infrastruktur yang membolehkan pembangunan PKS; pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS; dan peningkatan akses kepada pembiayaan. Pada tahun 2006, sejumlah 245 program penting yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.9 bilion telah dikenal pasti untuk pelaksanaan oleh pelbagai Kementerian dan agensi bagi menyokong pembangunan PKS.

Di samping itu, peruntukan berjumlah RM2.2 bilion telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi mengukuhkan lagi PKS dalam sektor perkilangan dan juga sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan.

Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada tahun 2004 untuk memastikan strategi dan program diwujudkan dan dilaksanakan dengan berkesan bagi menyokong pembangunan PKS. Penubuhan Majlis ini menandakan iltizam Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk menggalakkan pembangunan PKS. Majlis memberikan hala tuju terhadap dasar Kerajaan untuk memastikan program sokongan yang secukupnya disediakan di samping diselaraskan dan dilaksanakan secara berkesan untuk membantu PKS. Antara inisiatif penting yang dimulakan oleh Majlis termasuk penubuhan SME Bank, pelancaran Portal SMEinfo, pembangunan pangkalan data PKS kebangsaan dan penstandardan definisi PKS.

Kemampuan PKS untuk berkembang menjadi entiti yang lebih besar dan mampu bersaing di peringkat global terletak di tangan mereka sendiri. Kerajaan pula akan terus memainkan peranan sokongan dalam mewujudkan persekitaran yang membolehkan perniagaan berkembang dan meningkatkan daya tindak balas serta kecekapan sistem penyampaian awam dalam menangani dan memenuhi keperluan PKS. PKS perlu dinamik dan tangkas dalam menyesuaikan diri kepada kuasa persaingan dan volatiliti pasaran, dan beriltizam untuk meningkatkan operasi, kualiti dan keupayaan produktif mereka supaya dapat mempertingkatkan kedudukan mereka dalam rantaian nilai. Dengan persaingan yang bertambah sengit susulan daripada liberalisasi perdagangan, PKS Malaysia perlu bersedia untuk menawarkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti terbaik pada harga yang kompetitif serta meneroka ke luar negara untuk pendedahan pada pasaran yang lebih besar bagi meraih manfaat daripada pasaran yang baru berkembang.

Keluaran sulung Laporan Tahunan PKS 2005 ini merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk membina kapasiti dan keupayaan PKS melalui penyebaran maklumat. Setiap tahun, laporan ini akan melaporkan prestasi PKS dan strategi serta memaparkan inisiatif utama yang diambil oleh Kerajaan pada tahun berkenaan dalam menggalakkan pembangunan PKS. Kerajaan akan terus memberi tumpuan pada PKS dan berharap PKS akan bertindak secara bersepadu dalam membantu membina kekuatan dan sumber-sumber negara kita.

Melalui usaha bersepadu ini, adalah menjadi wawasan saya untuk merealisasikan matlamat kita bagi membangunkan PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan.



DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri Malaysia
7 Ogos 2006